

Headline	Pegawai CeIO ditambah bantu SPRM tutup peluang rasuah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	14	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,431
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,293



Pegawai CeIO ditambah bantu SPRM tutup peluang rasuah

KUALA LUMPUR 13 Feb. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merancang melatih lebih ramai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang akan ditempatkan dalam sektor awam atau syarikat milik kerajaan (GLC) bagi menjalankan kerja-kerja pencegahan rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Sutinah Sutan berkata, selain membantu SPRM, pegawai tersebut berperanan 'memandu' agensi terbabit dalam menutup peluang-peluang rasuah dan penyelewengan.

Menurutnya, setakat ini, terdapat 20 pegawai CeIO dalam beberapa agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kas-

tam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan GLC.

"Jumlah ini kita akan tambah dari semasa ke semasa untuk membantu agensi berkaitan mengenal pasti kelemahan pentadbiran bagi menutup peluang rasuah.

"Kita akan bantu bagaimana mengurangkan jangka masa sesuatu urusan kerana kita tahu jika banyak wujud birokrasi, ini akan menyebabkan kelewatan sesuatu urusan dan memberi peluang wujudnya rasuah. Ini salah satu fokus kita," katanya.

Beliau ditemui dalam majlis perasmian Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

Lembaga Tabung Haji (TH) di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, dekat sini hari ini.

Bengkel tersebut dirasmikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Yang turut hadir ialah Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail dan Ketua Pegawai Integriti TH, Datuk Latifah Md. Yatim.

Sutinah memberitahu, selain menambah bilangan CeIO di peringkat SPRM, agensi pencegahan rasuah itu juga akan melatih pegawai dalam sektor awam bidang integriti dan pencegahan rasuah bagi menjadi 'mata-mata' SPRM.



SUTINAH SUTAN